

D.R. 3/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2007) 2008.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2007

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh belas bilion lima ratus empat puluh lima juta satu ratus tujuh puluh satu ribu lapan ratus ringgit (RM17,545,171,800) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2007 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2007 [*Akta A1276*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	1,630,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	60,000,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	16,810,108,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	46,087,700
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	100,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	7,000,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	76,373,900
B. 31	Kementerian Pelancongan	10,000,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	200,006,100
B. 44	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	1,550,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	157,147,300
B. 62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	175,168,700
	JUMLAH	17,545,171,800

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tujuh belas bilion lima ratus empat puluh lima juta satu ratus tujuh puluh satu ribu lapan ratus ringgit (RM17,545,171,800) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2007.

[PN(U³)2206/1V]